

KKT&P:100-4/16 Jld.3()

17 Julai 2012

Kepada
Semua Presiden Majlis Perbandaran
dan semua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan/Puan,

**PENYERAHAN BIL/TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/KONTRAKTOR DALAM
TEMPOH 14 HARI KEPADA AGENSI KERAJAAN**

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk kepada Surat Arahan Perbendaharaan ruj.S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld.32(8) bertarikh 20 April 2012 daripada Kementerian Kewangan Malaysia mengenai perkara tersebut di atas (salinan surat disertakan untuk rujukan).

2. Adalah diperhatikan daripada Sijil Siap Kerja yang dikepilkan dengan baucar bayaran yang dibiayai oleh peruntukan Kerajaan Persekutuan bahawa terdapat sebilangan besar Pihak Berkuasa Tempatan mengambil masa yang lama untuk mengemukakan tuntutan bayaran ke Kementerian ini walaupun kerja telah disiapkan awal. Adalah juga diperhatikan bahawa ruangan di bawah Pesanan Kerajaan tidak dilengkapkan dengan maklumat-maklumat seperti berikut:

2.1 Pesanan dan Invois dikemukakan untuk pembayaran pada _____; dan

2.2 Baucar Jabatan No. dan tarikhnya.

3. Untuk melaksanakan Surat Arahan Perbendaharaan ini, **PBT adalah diwajibkan** untuk:

3.1 Melengkapkan maklumat-maklumat tersebut di para 2.1 dan 2,2 di atas dan

3.2 Memasukkan peringatan kepada pembekal/kontraktor sebaik sahaja barangan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan dalam dokumen perolehan Kerajaan seperti dokumen Kontrak/Pesanan Kerajaan/Inden Kerja/Surat Setuju Terima, yang mana bersesuaian seperti berikut:

.../2-

“Pembekal/Kontraktor diberi peringatan supaya mengemukakan bil/tuntutan yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bekalan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada pembekal/kontraktor jika bil/tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh 14 hari”.

4. Surat Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, dan harap maklum.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH
BERSAMA MEMBUDAYAKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG

Saya yang menurut perintah,



[RAYMAN BIN LOUDRIZE]
Timbalan Setiausaha Tetap
b.p. Setiausaha Tetap